



**MEMPERKASA MASYARAKAT:** Project Damai bertujuan memperkasa masyarakat Indonesia dengan ilmu pengetahuan kesihatan menerusi pendidikan kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan juga program bantuan di sekolah. Encik Nasruddin (*berkaca mata*) sedang menjelaskan kepada penduduk kampung tentang cara mereka boleh menjaga kesihatan mereka dengan baik. – Foto-foto FACEBOOK PROJECT DAMAI



**'KEMBARA' KE SUMATERA:** Tahun lalu, Project Damai telah menghantar 17 pelajar NUS ke Agam, di Sumatera Barat, di mana mereka serta para sukarelawan pasukan Palang Merah Indonesia dan Palang Merah Singapura sama-sama mengadakan pemeriksaan kesihatan untuk lebih 200 penduduk di sana secara percuma.

“Saya berminat menyertai projek perubatan kemanusiaan di luar negara seperti ini kerana sebagai pelajar kejururawatan, saya berpeluang mengamalkan kemahiran yang telah saya pelajari. Selain itu, saya dapat bekerja dengan pelajar perubatan lain. Pengalaman ini amat berharga buat masa depan saya sebagai seorang jururawat kelak.”

– Encik Mohamed Nasruddin Roslan, naib ketua Project Damai tahun ini.

# PROJEK DAMAI

## *siswa Muslim NUS*

Pelajar perubatan, kejururawatan dan farmasi adakan pemeriksaan dan pendidikan kesihatan bagi penduduk di dalam dan luar negara

LEBIH 250 penduduk kampung telah meraih manfaat daripada pemeriksaan kesihatan yang ditawarkan oleh Project Damai tahun lalu.

Itulah antara tujuan Project Damai anjuran mahasiswa dan pelajar Muslim daripada Sekolah Perubatan Yong Loo Lin (YLL-SoM), Pusat Pembelajaran Kejururawatan Alice Lee (ALCNS) dan Jabatan Farmasi di Fakulti Sains (FoS) Universiti Nasional Singapura (NUS).

Project Damai bertujuan memperkasa masyarakat Indonesia dengan ilmu pengetahuan kesihatan menerusi pendidikan kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan juga program bantuan di sekolah.

Tahun lalu, Project Damai telah menghantar seramai 17 pelajar NUS ke Agam, di Sumatera Barat, di mana mereka serta sukarelawan pasukan Palang Merah Indonesia dan Palang Merah Singapura sama-sama mengadakan pemeriksaan kesihatan bagi lebih 200 penduduk di kawasan itu secara percuma.

Selain itu, mahasiswa itu memberikan pendidikan kesihatan kepada pelajar sekolah-sekolah di Agam dengan mengajar mereka cara membasuh tangan dengan betul serta nasihat agar tidak merokok.

Dalam pada itu, Project Damai tidak sahaja membantu masyarakat di luar negara.

Mereka juga menyumbang kepada masyarakat tempatan.

Misalnya pada Januari lalu, mereka membantu menjalankan pemeriksaan kesihatan yang dianjurkan oleh Tabung Amal Aidilfitri (TAA) untuk golongan yang memerlukan.

Tahun ini, Project Damai, yang sudah memasuki tahun kelimanya, akan dijalankan di Sihanoukville di Kemboja.

Kumpulan seramai 16 pelajar itu akan berlepas ke Kemboja dari 18 hingga 25 Julai ini.

Mereka akan menyediakan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada penduduk di Sihanoukville, selain mendidik pelajar sekolah rendah dan menengah di sana.

Pemeriksaan kesihatan yang ditawarkan anggota Project Damai termasuk pemantauan BMI, kadar gula dalam darah, kadar tekanan darah dan kajian kesihatan.

Mereka akan bekerja rapat dengan seorang doktor berbangsa Kemboja, yang akan menetapkan ubat untuk penyakit yang dapat dikenal pasti.

Kos perubatan akan ditanggung oleh Project Damai.

Oleh itu, selain mengadakan penjualan kek di masjid, kumpulan Project Damai telah menjual surat khabar yang terkumpul untuk mendapat dana.

Mengongsi pengalamannya, Encik Mohamed Nasruddin Roslan, 27 tahun, selaku naib ketua Project Damai tahun ini, berkata:

“Saya berminat menyertai projek perubatan kemanusiaan di luar negara seperti ini kerana sebagai pelajar kejururawatan, saya berpeluang mengamalkan kemahiran yang telah saya pelajari.

“Selain itu, saya dapat bekerja dengan pelajar perubatan lain.

“Pengalaman ini amat berharga buat masa depan saya sebagai seorang jururawat kelak.”

Encik Nasruddin bakal ke Kemboja pada 18 Julai.

Project Damai masih dalam proses mengumpul dana bagi menampung usaha mereka di Kemboja nanti.

Maklumat lanjut boleh didapati di <http://projectdamai.wixsite.com/aboutus>.